



# Berita KUKUM

## FIESTA MUZIKA PLATFORM MENGERATKAN HUBUNGAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN MAHASISWA



Fiesta Muzika MAKUM 2006 yang bertujuan mengetengahkan bakat seni mahasiswa dalam bidang muzik telah diadakan pada 29 Mac 2006. Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah bertindak sebagai tuan rumah selain dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM).

Fiesta Muzika itu berlangsung jam 8 malam di Dewan Kapitol KUKUM di Kangar. Dengan tema "Muzik Pemantap Potensi Minda" Fiesta Muzika itu diharap menjadi platform mengeratkan hubungan dan perpaduan di kalangan mahasiswa pelbagai kaum. Ia antara lain memberi peluang mengetengahkan bakat disamping membawa mesej berguna kepada mahasiswa amnya menerusi dendangan lagu.

Sebanyak 12 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan menyertai Fiesta Muzika kali ini. Antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UITM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah sudi bercemar duli berangkat ke majlis tersebut.